

CNS6211

U CB 30-08 00191 BA163

aab

Mahathir - PM

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merakamkan penghargaan kepada ketiga-tiga bekas Perdana Menteri Malaysia dan berharap asas yang mereka bina akan membawa kemajuan kepada negara.

Katanya, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Allahvarham Tun Abdul Razak Hussein dan Allahvarham Tun Hussein Onn merupakan negarawan yang mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi untuk membangunkan negara, mewujudkan keharmonian hidup dan menaikkan nama Malaysia dalam arena antarabangsa.

Ketika berucap melancarkan Setem Pos Kenang-kenangan Bekas Perdana Menteri Malaysia menjelang sambutan hari ulang tahun kemerdekaan ke-34 esok, di Pusat Islam di sini, beliau berharap asas yang telah ditanamkan oleh ketiga-tiga bekas Perdana Menteri itu akan membawa negara ke tahap kemajuan yang dicita-citakan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata rakyat sewajarnya mengenang sumbangan ketiga-tiga mereka daripada segi kepimpinan, pengorbanan dan jasa sempena menyambut hari ulang tahun kemerdekaan negara.

Beliau menyebut satu persatu tempoh perkhidmatan Almarhum Tunku Abdul Rahman yang mendapat gelaran +Bapa Kemerdekaan+ dan +Bapa Malaysia+ (1957-1970), Allahvarham Tun Razak yang digelar +Bapa Pembangunan+ (1970-1976) dan Allahvarham Tun Hussein yang digelar +Bapa Perpaduan+ (1976-1981). -- Lagi

♥30/08/13-06MST

CNS6284

R CB 30-08 00164 BA166

aab

Mahathir - PM 2 Kuala Lumpur (Ulangan membetulkan tarikh pada para 3)

Pengeluaran setem itu bukan sahaja membolehkan generasi muda menvedari usaha dan pemikiran tokoh-tokoh berkenaan tetapi juga memperkenalkan bekas-bekas Perdana Menteri kepada masyarakat luar negeri, katanya.

Selepas melancarkan tiga setem, yang setiap satu memaparkan wajah tiga bekas Perdana Menteri itu dan bernilai \$1, Datuk Seri Dr Mahathir melihat pameran bekas Perdana Menteri itu di ruang legar Pusat Islam, yang dibuka kepada umum hingga Ahad ini.

Pameran itu kemudian ditempatkan di Dewan Pameran Arkib Negara di Jalan Duta, di sini yang akan dibuka kepada orang ramai sehingga 30 Nov.

Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu pemberita kemudian bahawa sebuah muzium kenang-kenangan bagi Almarhum Tunku Abdul Rahman sedang dirancang untuk di Kompleks Jabatan Perdana Menteri di sini.

Katanya, bangunan lama yang menjadi tempat tinggal bekas Perdana Menteri itu akan diperbaiki dan diubahsuai untuk menjadi muzium bagi menyimpan segala khazanah Almarhum Tunku.

Ketika berucap, Perdana Menteri berkata rakyat boleh berbangga bahawa Malaysia berjaya mempraktikkan demokrasi kerana pilihan raya, pertukaran kepimpinan dan kerajaan diadakan tanpa keganasan atau rusuhan.

Kestabilan politik dan pemerintahan itu telah mendorong pertumbuhan ekonomi dengan pesat, katanya.

Batu Allahvarham Tun Razak Tun Hajah Rahah dan batu Allahvarham Tun Hussein Tun Suhaila yang turut menghadiri majlis, itu kemudian menerima cenderamata berupa replika setem menggambarkan suami masing-masing daripada Datuk Seri Dr Mahathir. -- Bernama

♥30/08/13-28MST